NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| Jil. 53<br>No. 6 | **18hb Mac 2010** | *TAMBAHAN*<br>*No. 1* |
|---|---|---|

## ENAKMEN UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 1963

## ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM ENACTMENT 1963

**No. 17.**

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
BAGI TAHUN 2010

THE INCOME AND EXPENDITURE BUDGET OF THE
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS
FOR THE YEAR 2010

Anggaran pendapatan dan perbelanjaan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis bagi tahun 2010 yang dinyatakan dalam Jadual telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perlis dan disiarkan dalam *Warta* menurut subseksyen 5 Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam 1963 [*Enakmen No. 3 tahun 1964*].

The income and expenditure budget of the Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis for the year 2010 as set out in the Schedule has been approved by the State Executive Council Enactment Perlis and published in the *Gazette* pursuant to subsection 5 of the Administration of the Religion of Islam Enactment 1963 [*Enactment No. 3 of 1964*].

## ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS BAGI TAHUN 2010

| PENDAPATAN/ PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | PENDAPATAN/ PERBELANJAAN SEBENAR HINGGA JUN 2009 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIRAN PENDAPATAN | MS | | ANGGARAN TAHUN 2010 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| RM | RM | RM | RM | | | RM | RM | RM |
| 13,518 | 490,612 | 26.170 | 61100 | Wakaf | 3 | — | 63,100 | — |
| 163,485 | 147,490 | 795,720 | 61000 | Sumber Am | 5 | — | 745,720 | — |
| 23,385,371 | 13,389,072 | 20,268,370 | 61100 | Zakat dan Fitrah | 8 | — | 28,804,170 | 29,612,990 |
| 23,562,374 | 14,027,174 | 21,268,370 | | | | | | |
| | | | | Jumlah: | | | | |
| | | | | PERBELANJAAN | | | | |
| 16,919 | 238,919 | 6,000 | 52000 | Wakaf | 11 | | 55,500 | — |
| 127,974 | 57,154 | 245,030 | 27000 | Sumber Am | 13 | | 223,200 | — |
| | | | | Zakat dan Fitrah: | | | | |
| 842,370 | 401,640 | 812,640 | 11100 | Asnaf Fakir | 17 | 1,207,200 | — | — |
| 4,273,701 | 2,715,252 | 4,579,800 | 11200 | Asnaf Miskin | 19 | 8,725.00 | — | — |
| 1,410,728 | 899,227 | 1,661,330 | 11300 | Asnaf Amilin | 24 | 1,826,460 | — | — |
| 183,946 | 79,023 | 274,000 | 11400 | Asnaf Muallaf | 31 | 274,000 | — | — |
| — | — | 10 | 11500 | Asnaf Riqab | 35 | 10 | — | — |
| 5,000 | — | 12,020 | 11600 | Asnaf Gharimin | 36 | 12,020 | — | — |
| 8,834,539 | 9,454,157 | 10,877,090 | 11700 | Asnaf Fisabilillah | 38 | 11,782,090 | — | — |
| 4,910 | 120 | 10,000 | 11800 | Asnaf Ibnusabil | 44 | 10,000 | — | — |
| 15,555,194 | 13,549,419 | 18,227,130 | | | | | 23,836,780 | |
| 15,700,087 | 13,890,492 | 18,478,160 | | | | | | 24,115,480 |
| 7,862,287 | 136,682 | 2,612,100 | | LEBIHAN/(KEKURANGAN) | | | | 5,497,510 |

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT NELAYU, PERLIS

RINGKASAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2010

| | Zakat<br>RM | Sumber Am<br>RM | Wakaf<br>RM |
|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | 28,804,170 | 745,720 | 63,100 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | | | |
| Asnaf Fakir | 1,207,200 | — | — |
| Asnaf Miskin | 8,725.00 | — | — |
| Asnaf Amilin | 1,826,4560 | — | — |
| Asnaf Muallaf | 274,000 | — | — |
| Asnaf Riqab | 10 | — | |
| Asnaf Gharimin | 12,020 | — | — |
| Asnaf Fisabilillah | 11,782,090 | — | — |
| Asnaf Ibnusabil | 10,000 | — | — |
| Perbelanjaan Sumber Am | — | 223,200 | — |
| Perbelanjaan Wakaf | — | — | 55,500 |
| | 23,836,780 | 223,200 | 55,500 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) | 4,967,390 | 522,520 | 7,600 |

ANGGARAN PENDAPATAN WAKAF BAGI TAHUN 2010

| PENDAPATAN SEBENAR TAHUN 2008<br>RM | ANGGARAN TAHUN 2009<br>RM | KOD | BUTIR-BUTIR PENDAPATAN | ANGGARAN BAGI TAHUN 2010<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| 1,115 | 2,270 | 74101 | Sewa Tanah | 2,270 |
| 3,800 | 2,400 | 74102 | Sewa Rumah Kediaman | 2,400 |
| 6,000 | 18,000 | 74103 | Sewa Tapak Menara Telekomunikasi | 54,000 |
| 2,318 | 2,000 | 75101 | Keuntungan Pelaburan | 2,930 |
| 285 | 500 | 75102 | Keuntungan Simpanan Bank | 500 |
| — | 1,000 | 75999 | Pelbagai Pendapatan | 1,000 |
| 13,518 | 26,170 | | | 63,100 |

74101 SEWA TANAH:

Seramai 7 orang sedang menyewa tanah-tanah Wakaf. Tanah-tanah wakaf yang sedang disewakan ini adalah terdiri daripada tanah-tanah bendang dan perolehan daripada sewaan dijangkakan sebanyak RM2,270 setahun.

74102 SEWA RUMAH KEDIAMAN:

Perolehan sewa ini adalah daripada rumah yang telah diwakafkan kepada Majlis H.S. (M) 1410, Mukim Wang Bintong. Dianggarkan sewa rumah kediaman bagi tahun ini adalah seperti berikut:

| Bil. | Alamat/Nama Penyewa | Kadar/ Bulan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| 1. | No. 29, MPK, Lorong 4<br>Taman Desa Katong<br>Kangar, Perlis<br>(Shuhaimi bin Nordin) | 200.00 | 2,400.00 |

74103 SEWA TAPAK MENARA TELEKOMUNIKASI:

Sebuah Syarikat Komunikasi Perlis Comm. Sdn. Bhd. telah menyewa tapak untuk menara Komunikasi dengan kadar sewaan RM1,500 sebulan seperti berikut:

(i) Masjid Kok Klang

(ii) Masjid Long Boh

(iii) Masjid Kampung Behor Kudong

75101 KEUNTUNGAN PELABURAN:

Keuntungan diperolehi hasil daripada pelaburan seperti berikut:

| | Jumlah/ Pelaburan | Anggaran Keuntungan |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| BIMB Al-Mudzarabah | 21,845 | 980 |
| Bank Rakyat Al-Mudharabah | 65,199 | 1,950 |
| | | 2,930 |

75102 KEUNTUNGAN SIMPANAN BANK:

Hasil pendapatan dari Tanah Wakaf disimpan di dalam Bank Islam Malaysia Berhad. Kadar keuntungan adalah bergantung kepada jumlah yang disimpan dari masa ke semasa.

75999 PELBAGAI PENDAPATAN:

Hasil dari punca-punca lain termasuklah pendapatan yang diperolehi hasil pampasan tanah Wakaf.

ANGGARAN PENDAPATAN SUMBER AM BAGI TAHUN 2010

| PENDAPATAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PENDAPATAN | ANGGARAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 23,589 | 10,000 | 82301 | Harta Pesaka | 20,000 |
| 2,856 | 2,420 | 74101 | Sewa Tanah | 2,420 |
| 18,300 | 16,800 | 74102 | Sewa Premis Perniagaan | 16,800 |
| 18,043 | 10,000 | 75101 | Keuntungan Pelaburan | 20,000 |
| 824 | 1,500 | 75102 | Keuntungan Simpanan Bank | 1,500 |
| 50,000 | 700,000 | 75103 | Keuntungan Projek Perumahan Taman Beseri Permai | 650,000 |
| 7,936 | 50,000 | 82102 | Jualan dan Pampasan Tanah | 20,000 |
| 41,937 | 5,000 | 75999 | Pelbagai Pendapatan | 15,000 |
| 163,485 | 795,720 | | | 745,720 |

82301 HARTA PESAKA:

Harta-harta orang telah mati yang tidak berwaris atau yang tidak boleh diwarisi oleh waris.

74101 SEWA TANAH:

Sebahagian kecil tanah-tanah Baitulmal sedang disewakan. Seramai 6 orang sedang menyewa tanah-tanah Baitulmal dengan perolehan sewa tahunan dianggarkan sebanyak RM2,420 setahun.

74102 SEWA PREMIS PERNIAGAAN:

Sebuah premis perniagaan No. 46, Bangunan Pens Holdings Taman Sena Indah disewakan kepada Pajak Gadai Islam Perlis dengan kadar sewa RM1,400 sebulan.

75101 KEUNTUNGAN PELABURAN:

Baitulmal mendapat keuntungan pelaburan daripada agensi-agensi berikut:

| | Jumlah Pelaburan |
|---|---|
| (a) Syarikat Takaful | RM 220,300 |
| (b) Pajak Gadai Islam | RM 2,188,090 |
| (c) Al-Mudharabah Bank Rakyat | RM 100,000 |
| (d) Iktifal | RM 98,039 |

75102 KEUNTUNGAN SIMPANAN BANK:

Baitulmal menyimpan semua wang perolehan ke dalam Akaun Semasa Bank Islam Malaysia Berhad, Kangar. Kadar keuntungan berdasarkan kepada jumlah wang yang tersimpan.

75103 KEUNTUNGAN PROJEK PERUMAHAN TAMAN BESERI PERMAI:

Keuntungan yang akan dibayar oleh Pemaju Projek Perumahan Taman Beseri Permai mengikut peringkat kemajuan projek. Anggaran keuntungan yang akan diperolehi daripada pembangunan Fasa Ke-4 ialah RM650,000.

82102 PENJUALAN DAN PAMPASAN TANAH BAITULMAL:

Tanah-tanah Baitulmal bahagian pesaka si mati telah mendapat banyak permintaan untuk dibeli oleh waris-waris berkaitan. Harga jualan adalah berpandukan kepada harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Harta.

75999 PELBAGAI PENDAPATAN:

Hasil kutipan adalah diperolehi daripada punca-punca berikut:

(a) Keuntungan bank yang diserah oleh penyimpan-penyimpan perseorangan kepada Majlis.

(b) Harta-harta yang dijumpai dan tidak dituntut diserah kepada Majlis.

(c) Sumbangan dan derma daripada badan-badan amal dan orang perseorangan.

| PENDAPATAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PENDAPATAN | ANGGARAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 730,713 | 600,000 | 61101 | Zakat Padi (Tanaman) | 700,000 |
| 828,402 | 1,418,200 | 61201 | Zakat Fitrah | 994,000 |
| 21,506,743 | 18,000,000 | 61300 | Zakat Harta | 26,800,000 |
| 21,072 | 20,900 | 74101 | Sewa Tanah | 20,900 |
| 7,600 | 13,000 | 74201 | Sewa Rumah | 13,000 |
| 101,976 | 96,270 | 74301 | Sewa Premis Perniagaan | 96,270 |
| 121,820 | 80,000 | 75101 | Keuntungan Pelaburan | 130,000 |
| 39,655 | 35,000 | 75102 | Keuntungan Simpanan Semasa | 40,000 |
| 27,390 | 5,000 | 75999 | Lain-lain Pendapatan | 10,000 |
| 23,385,371 | 20,268,370 | | | 28,804,170 |

61101 ZAKAT PADI (TANAMAN):

Zakat padi adalah dijangka berkurangan daripada tahun lepas. Penerangan dan kempen-kempen kesedaran zakat bijirin akan diteruskan untuk memperingati petani akan kewajipan berzakat. Bagi tahun 2010 adalah dianggarkan perolehan Zakat Padi bagi zon-zon adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Zon Utara | RM121,600 |
| Zon Barat | RM166,400 |
| Zon Selatan | RM272,000 |
| Zon Timur | RM140,000 |
| | RM700,000 |

61201 ZAKAT FITRAH:

Jumlah kutipan Fitrah bagi tahun ini dianggarkan sebanyak RM994,000 yang akan dipungut daripada lebih kurang 165,700 orang Islam di Perlis.

61300 ZAKAT HARTA:

Pada tahun ini dengan tambahan pembayar yang menunaikan zakat melalui potongan gaji bagi mereka yang layak menunaikan Zakat Penggajian melalui jabatan masing-masing adalah dianggarkan perolehan Zakat Pendapatan sebanyak RM12,200,000 dan perolehan daripada Zakat 50:50 dianggarkan RM14,600.00.

74101 SEWA TANAH:

Majlis mempunyai seluas 152 relong, 1 jemba tanah bendang yang disewakan kepada 35 penyewa. Pendapatan sewa setahun adalah sebanyak RM20,900.

74201 SEWA PREMIS PERNIAGAAN:

Dianggarkan sewa premis perniagaan bagi tahun ini adalah seperti berikut:

| Bil. | Alamat/Nama Penyewa | Kadar | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| 1. | No. 1, Jalan Penjara (Eng Ah Kow) | 622.50 | 7,470.00 |
| 2. | No. 49, Simpang Tiga Kangar (Marzuki bin Yatim) | 1,100.00 | 13,200.00 |
| 3. | No. 45, Lorong Seruling (Haji Abd. Aziz bin Haji Ahmad) | 1,200.00 | 14,400.00 |
| 4. | No. 49 & 51, Lorong Seruling (Bank Islam Malaysia Berhad) | 2,400.00 | 28,800.00 |
| 5. | No. 47, Lorong Seruling (Tingkat Bawah) | 800.00 | 9,600.00 |
| 6. | No. 47, Lorong Seruling (City Link Express Sdn. Bhd. Tingkat Atas) | 600.00 | 7,200.00 |
| 7. | No. 53, Lorong Seruling (Restoran Abd. Alim) | 1,300.00 | 15,600.00 |
| | JUMLAH | | 96,270.00 |
| | | | ======= |

75101 KEUNTUNGAN PELABURAN:

Sebanyak RM11,872,480 telah dilaburkan dalam institusi-institusi kewangan dan unjuran keuntungan bagi tahun 2010 dianggarkan sebanyak RM130,000.

75102 KEUNTUNGAN SIMPANAN SEMASA:

Hasil pendapatan dari Tanah Wakaf disimpan di dalam Bank Islam Malaysia Berhad. Kadar keuntungan adalah bergantung kepada jumlah yang disimpan dari masa ke semasa.

75999 LAIN-LAIN PENDAPATAN:

Hasil dari punca-punca lain termasuklah pendapatan yang diperolehi hasil pampasan tanah.

BELANJAWAN TAHUN 2010

52000 PERBELANJAAN WAKAF

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 1,701 | 1,500 | 52901 | Bayaran Cukai Tanah Wakaf | 1.500 |
| 15,653 | 3,500 | 52902 | Penyelenggaraan Harta Wakaf | 10,000 |
| — | — | 52903 | Sumbangan Sewa Menara Komunikasi Kepada Masjid | 43,000 |
| 195 | 1,000 | 52999 | Pelbagai Perbelanjaan | 1,000 |
| 16,919 | 6,000 | | | 55,500 |

52901 BAYARAN CUKAI TANAH WAKAF:

Hanya tanah-tanah yang didaftar dan dikenalpasti sahaja yang diambil kira pembayarannya. Usaha-usaha sedang dijalankan terus untuk mengenalpasti tanah-tanah Wakaf yang lain.

52902 PENYELENGGARAAN HARTA WAKAF:

Peruntukan ini dikhususkan kepada pembayaran-pembayaran tunai yang perlu dibuat untuk proses mengukur tanah, membayar Duti Setem, kos penghebahan tanah dan lain-lain kos pemerosesan berkaitan dengan tanah-tanah yang hendak diwakafkan.

52903 SUMBANGAN KEPADA MASJID HASIL PENDAPATAN SEWA MENARA KOMUNIKASI:

Sumbangan sebanyak RM500 sebulan kepada masjid-masjid yang tanahnya disewa sebagai tapak menara komunikasi.

52999 PELBAGAI PERBELANJAAN:

Perbelanjaan yang belum lagi ditetapkan kemungkinan akan dikenakan oleh mana-mana pihak ke atas tanah-tanah Wakaf.

BELANJAWAN TAHUN 2010

27000 SUMBER AM

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| — | 5,000 | 27101 | Pembelian Kitab-kitab/ Buku-buku Agama | 5,000 |
| — | 10 | 27102 | Bayaran Khidmat Perunding | 10 |
| — | 10 | 27103 | Lawatan | 10 |
| 12,637 | 95,000 | 27104 | Elaun dan Saguhati Pekerja | 73,170 |
| — | 10 | 27105 | Pelaburan Modal/Membeli Harta | 10 |
| — | 5,000 | 27106 | Cukai Tanah-tanah Baitulmal | 5,000 |
| — | 30,000 | 27107 | Penyelengaraan Harta Sumber Am/Majlis | 30,000 |
| — | 100,000 | 27108 | Pendahuluan | 100,000 |
| 337 | 10,000 | 27109 | Pelbagai Perbelanjaan | 10,000 |
| 127,974 | 245,030 | | | 223,200 |

27101 PEMBELIAN KITAB-KITAB/BUKU AGAMA:

Peruntukan ini khas diuntukkan untuk pembelian kitab-kitab dan buku-buku Agama bagi kegunaan pegawai-pegawai, mubaligh-mubaligh sambilan dan lain-lain.

27102 BAYARAN KHIDMAT PERUNDING:

Majlis akan melantik pakar-pakar perunding untuk membuat kajian-kajian jangka pendek dan juga jangka panjang bagi tiap-tiap projek yang akan dilaksanakan. Ini adalah bergantung ke atas keperluan Majlis.

| Bil. | Nama Jawatan | Nama Penyandang | Kadar Elaun/ Bulanan | | | Elaun Setahun | Jumlah Gaji dan Elaun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | RM | | RM | RM |
| 1. | Pekerja Kontrak | Encik Dharulkhizan bin Mohammad | Gaji: | 820.00 | | 9,844.56 | |
| | | | EKA: | 295.00 | | 3,540.00 | |
| | | | COLA: | 200.00 | | 2,400.00 | |
| | | | KWSP: | 3,660.00 | (P) | | 19,444,56 |
| | | | | 159.00 | (M) | | |

| Bil. | Nama Jawatan | Nama Penyandang | Kadar Elaun/ Bulanan | | | Elaun Setahun | Jumlah Gaji dan Elaun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | RM | | RM | RM |
| 2. | Pekerja Sambilan | Cik Rusnani binti Hassan | Gaji: | 35.65 = 855.60 | x 24 | 10,267.20 | |
| | | | EKA: | 115.00 | | 1,380.00 | |
| | | | COLA: | 200.00 | | 1,380.00 | 17,083.20 |
| | | | KWSP: | 121.00 | (P) | 2,400.00 | |
| | | | | 132.00 | (M) | 3,036.00 | |

27103 LAWATAN:

Peruntukan ini diadakan untuk membolehkan Ahli-ahli Jawatankuasa dan Pegawai-pegawai baitulmal membuat lawatan-lawatan sambil belajar demi menambahkan lagi pengetahuan dan pengalaman.

27104 ELAUN DAN SAGUHATI PEKERJA:

(Lampiran A)

27105 PELABURAN MODAL/MEMBELI HARTA:

Keuntungan yang diperolehi daripada Pajak Gadai Islam Yayasan Islam Perlis dilabur semula untuk menambah lagi jumlah saham Majlis dan lain-lain pembelian yang diluluskan oleh Majlis.

27106 CUKAI TANAH-TANAH BAITULMAL:

Cukai tanah-tanah Baitulmal dibayar kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk tiap-tiap tahun mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan.

27107 PENYELENGGARAAN HARTA SUMBER AM:

Peruntukan ini dikhaskan untuk urusan penjualan tanah-tanah bahagian Baitulmal yang mana melibatkan kos-kos guaman, pendaftaran, duti setem dan kos ukur tanah.

Peruntukan juga disediakan untuk penyelenggaraan Pusat Latihan Majlis Agama Islam Perlis.

27108 PENDAHULUAN:

Peruntukan ini dikhaskan kepada pemberian pendahuluan sama ada pendahuluan diri pegawai-pegawai serta pendahuluan-pendahuluan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan.

27109 PELBAGAI PERBELANJAAN:

Peruntukan ini dikhaskan untuk sumbangan-sumbangan serta perbelanjaan keraian dan hospitaliti.

BELANJAWAN TAHUN 2010

11100 ASNAF FAKIR

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 822,170 | 769,880 | 11101 | Fakir | 1,159,200 |
| 20,200 | 25,000 | 11102 | Pengurusan Jenazah | 30,000 |
| — | 6,000 | 11103 | Bantuan Rumah Orang Tua | 6,000 |
| — | 10,000 | 11104 | Bantuan Rawatan Perubatan | 10,000 |
| — | 2,000 | 11105 | Bantuan Pakaian | 2,000 |
| 842,370 | 812,880 | | | 1,207,200 |

11101 FAKIR:

Bantuan akan dikeluarkan mengikut kelayakan sepertimana yang telah ditetapkan dalam panduan pengagihan. Kadar "Hadul Kifayah" akan diambilkira dan hanya yang betul-betul layak sahaja akan diberi bantuan.

Bantuan akan dikeluarkan dalam bentuk kewangan bulanan. Adalah dianggarkan bantuan bagi tahun ini adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Zon Utara: | 77 orang | RM 277,200 |
| Zon Tengah: | 135 orang | RM 486,000 |
| Zon Selatan: | 110 orang | RM 396,000 |
| | | RM 1,159,200 |

11102 PENGURUSAN JENAZAH:

Bayaran akan dibuat untuk kerja-kerja pengurusan jenazah Fakir/Miskin di atas perbelanjaan sebenar dan tidak melebihi RM700.00 seorang.

11103 BANTUAN RUMAH ORANG TUA:

Sumbangan akan diberikan kepada pengelola rumah orang tua-tua untuk menjalankan akativiti-aktiviti keagamaan dan pembangunan insan. Terdapat tiga buah rumah orang tua-tua. Peruntukan disediakan sebanyak RM2,000.00/buah.

11104 BANTUAN RAWATAN PERUBATAN:

Bantuan ini bertujuan untuk membiayai kos-kos perubatan, belian peralatan dan lain-lain peralatan sokongan.

11105 BANTUAN PAKAIAN:

Bantuan ini diberi untuk menampung kos pembelian pakaian harian yang mana mencukupi tahap keperluan Syarak.

## BELANJAWAN TAHUN 2010

### 11200 ASNAF MISKIN

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 1,778,315 | 1,750,800 | 11201 | Pengagihan Wang Fitrah untuk Fakir Miskin | 1,800,000 |
| 7,600 | 50,000 | 11202 | Latihan Kemahiran | 50,000 |
| 77,222 | 100,000 | 11203 | Bantuan Modal | 100,000 |
| 103,289 | 150,000 | 11204 | Bantuan Rawatan Perubatan | 150,000 |
| — | 10,000 | 11205 | Bantuan Pakaian Persekolahan | 10,000 |
| 950 | 28,000 | 11206 | Bantuan Basikal | 20,000 |
| 1,500 | 20,000 | 11207 | Bantuan Persekolahan Rendah/Menengah | 25,000 |
| 212,750 | 500,000 | 11208 | Bantuan Bekalan Api & Air | 500,000 |
| 1,574,679 | 1,755,000 | 11209 | Bantuan Memperbaiki Rumah | 4,485,000 |
| — | 216,000 | 12210 | Bantuan Sara Hidup | 1,000,000 |
| 50,637 | 50,000 | 12211 | Peruntukan Yang Dipertua | 50,000 |
| 55,269 | 300,000 | 12212 | Bantuan Bencana Alam | 300,000 |
| 411,490 | 100,000 | 12213 | Bantuan Kecemasan Luar Jangka | 100,000 |
| — | — | 12214 | Sumbangan Perkahwinan | 135,000 |
| 4,273,701 | 5,029,800 | | | 8,725,000 |

11201 PENGAGIHAN WANG FITRAH UNTUK FAKIR MISKIN:

Peruntukan ini dibuat berdasarkan kepada anggaran jumlah orang-orang miskin yang terdapat di Negeri Perlis mengikut senarai nama-nama yang dikemukakan oleh Amil-amil yang dilantik. Penentuan kelayakan penerima bantuan akan berdasarkan kepada kadar "Hadul Kifayah" masing-masing dengan diperakukan oleh Lembaga Jawatankuasa Masjid kariah masing-masing.

11202 LATIHAN KEMAHIRAN:

Bantuan akan diberikan kepada atau di kalangan anak-anak Fakir/Miskin yang berkebolehan dan berminat untuk menjalani latihan-latihan kemahiran. Ini adalah persediaan untuk menggalakkan golongan miskin berdikari.

11203 BANTUAN MODAL:

Bantuan secara terus akan diberikan kepada Fakir/Miskin yang berkebolehan untuk menjalankan perusahaan sendiri. Bantuan perniagaan secara kecilan, bantuan dalam bentuk peralatan seperti peralatan pertanian, perikanan, ternakan dan juga modal pusingan/modal kerja tidak melebihi RM10,000.

11204 BANTUAN RAWATAN PERUBATAN:

Bantuan ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan pesakit yang tidak berkemampuan.

Sumbangan diberikan seperti berikut:

(i) Tambang — bergantung kepada kos sebenar (bas/teksi).

(ii) Sara Hidup — diberi pada kadar RM15.00 sehari untuk seorang.

(iii) Sumbangan 3 buah kerusi roda.

(iv) Pembelian Peralatan Perubatan — bergantung kepada kos sebenar yang dicadangkan oleh Bahagian Kebajikan Hospital tertakluk kepada had maksima RM5,000. Kos yang melebihi daripada kadar tuntutan hendaklah mendapat kelulusan Majlis.

11205 BANTUAN PAKAIAN PERSEKOLAHAN:

Bantuan ini akan disumbangkan kepada anak-anak miskin untuk mengurangkan bebanan persediaan pakaian persekolahan. Bantuan diberi berdasarkan kepada pengesahan daripada Guru Besar Sekolah.

Zon Utara

10 orang @ RM300.00 = RM3,000.00

Zon Tengah

10 orang @ RM300.00 = RM3,000.00

Zon Selatan

13 orang @ RM300.00 = RM4,000.00

RM10,000.00

11206 BANTUAN BASIKAL:

Sumbangan kepada anak-anak Fakir/Miskin untuk kemudahan ke sekolah.

100 buah @ 200.00 = RM20,000.00

11207 BANTUAN PERSEKOLAHAN RENDAH/MENENGAH:

Bantuan ini akan disumbangkan kepada anak-anak miskin untuk melunaskan hutang-hutang diperingkat pengajian rendah dan menengah. Jumlah bantuan berpandukan kepada jumlah yang telah disahkan oleh pihak sekolah. Di samping itu sumbangan makanan tambahan dan kelas-kelas tambahan akan diberikan kepada murid-murid miskin.

11208 BANTUAN BEKALAN LETRIK DAN AIR:

Bantuan pemasangan bekalan air dan pendawaian letrik diperuntukkan untuk kemudahan asas Fakir/Miskin. Bantuan akan dikeluarkan seperti berikut:

| | Pendawaian Letrik | Pemasangan Air |
|---|---|---|
| Zon Utara | 75 buah | 50 buah |
| Zon Barat | 75 buah | 50 buah |
| Zon Selatan | 75 buah | 50 buah |
| Zon Timur | 75 buah | 50 buah |
| | 300 buah | 200 buah |

Bentuk dan kadar bantuan adalah seperti berikut:

(a) Pendawaian Letrik
RM1,200 x 300 = RM360,000

(b) Bantuan Upah Pemasangan Air
RM700 x 200 = RM140,000

RM500,000

11209 BANTUAN MEMPERBAIKI RUMAH:

Bantuan merupakan pembiayaan pembaikan rumah kepada orang-orang miskin yang memerlukannya. Jumlah bantuan akan diberi pertimbangan setelah mengambil kira perakuan daripada Amil Kariah yang berkaitan serta laporan yang telah dibuat olah Pegawai Penyelaras Zakat bagi tiap-tiap Zon serta sokongan daripada Wakil Rakyat Kawasan. Bentuk bantuan akan berdasarkan kepada keperluan asas atau atas kerosakan fizikal. Bantuan akan diberi dalam bentuk barangan yang mana tidak melebihi nilai RM10,000 dan dianggarkan sebanyak 300 buah rumah bagi keempat-empat Zon dengan anggaran peruntukan sebanyak RM3,000,000.

Untuk rumah yang melebihi 70% nilai pembaikannya berpandukan kepada kerosakan keseluruhan maka pembinaan sebuah rumah lengkap akan diberikan pada anggaran kos di antara RM24,000 hingga RM33,000 sebuah. Pada tahun ini dianggarkan sebanyak 45 buah rumah akan dibina dengan kos sebanyak RM1,485,000.

11210 BANTUAN SARA HIDUP:

Sumbangan diberi mengikut keperluan berpandukan kepada Had-Kifayah untuk kategori berikut:

(a) Hilang upaya

(b) Gangguan mental

(c) Hilang punca pencarian sementara

(d) Masalah rumah tangga

Sumbangan akan dibuat mengikut bilangan isi rumah dengan kadar minima RM300.00 sebulan bergantung kepada keperluan semasa.

11212 BANTUAN BENCANA ALAM:

Peruntukan ini dikhaskan untuk memberi sumbangan serta-merta kepada mangsa-mangsa yang ditimpa musibah bencana alam seperti kebakaran, banjir, ribut dan lain-lain.

11213 BANTUAN KECEMASAN LUAR JANGKA:

Bantuan dikhususkan kepada perkara-perkara yang timbul secara mengejut dan di luar jangkaan. Kadar bantuan adalah berdasarkan kepada persetujuan di antara Pengerusi dan Pengarah dengan perkenan Yang DiPertua.

11214 SUMBANGAN PERKAHWINAN:

Sumbangan ini diberikan kepada anak-anak fakir miskin yang tidak berkemampuan untuk mengadakan keperluan asas perkahwinan.

## BELANJAWAN TAHUN 2010

### 11300 ASNAF AMILIN

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 157,629 | 350,000 | 11301 | Bahagian Amil | 211,700 |
| — | 400 | 11302 | Pengangkutan dan Perjalanan Amil | 400 |
| 90,428 | 76,040 | 11304 | Cetak Mencetak | 104,550 |
| 248,057 | 426,440 | | | 316,650 |

## LAIN-LAIN PERBELANJAAN

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| 796,143 | 792,600 | 11101 | Gaji dan Elaun | 951,350 |
| 137,614 | 100,000 | 11306 | Penyelenggaraan Bangunan & Harta Zakat | 150,000 |
| 53,776 | 50,000 | 11307 | Penyelenggaraan Kenderaan | 55,000 |
| 10,881 | 20,000 | 11308 | Pengangkutan & Perjalanan | 20,000 |
| 4,700 | 9,400 | 11309 | Bayaran Audit | 9,400 |
| 21,157 | 39,890 | 11310 | Mesyuarat | 54,060 |
| 23,373 | 20,000 | 11311 | Perkakas Pejabat | 20,000 |
| 16,150 | 18,000 | 11313 | Elaun Lebih Masa | 25,000 |
| 2,422 | 5,000 | 11314 | Alatulis | 5,000 |
| 17,139 | 20,000 | 11315 | Perhubungan dan Pos | 25,000 |
| 22,662 | 100,000 | 11316 | Kursus dan Seminar | 120,000 |
| 21,099 | 30,000 | 11317 | Rawatan Perubatan Pegawai | 35,000 |
| 35,555 | 30,000 | 11399 | Pelbagai Perbelanjaan | 40,000 |
| 1,162,671 | 1,234,890 | | | 1,509,810 |
| 1,410,728 | 1,661,330 | | Jumlah: | 1,826,460 |

11301 BAHAGIAN AMIL:

1/8 daripada jumlah Kutipan Zakat Padi Fitrah dan Zakat Harta adalah diperuntukkan kepada Amil-amil yang dilantik oleh Majlis.

11302 PENGANGKUTAN DAN PERJALANAN AMIL:

Untuk penyelenggaraan Padi Zakat, Majlis membayar tambang kepada Amil-amil untuk urusan rasmi pejabat sahaja.

11304 CETAK MENCETAK:

Peruntukan ini dikhususkan untuk bahan cetak bagi kegunaan pejabat seperti berikut:

(a) Buku Resit:

| | | |
|---|---|---|
| Zakat Padi: | | |
| 100 buah @ RM2.50 | = | RM250 |
| Zakat Wang: | | |
| 200 buah @ RM2.50 | = | RM500 |
| Resit Berkomputer | = | RM5,000 |

(b) Kupon-kupon Fitrah:

| | | |
|---|---|---|
| 3,900 buah @ RM2.00 | = | RM7,800 |

(c) Borang-borang Urusan Zakat:

| | | |
|---|---|---|
| Borang-borang Taksiran Zakat | = | RM5,000 |
| Buku/Risalah Panduan Zakat | = | RM15,000 |
| Penyata-penyata Bulanan dan Tahunan | | |

(d) Cenderahati:

| | | |
|---|---|---|
| Kalender dan lain-lain | = | RM50,000 |

| | | |
|---|---|---|
| (e) Buletin Baitulmal | = | RM21,000 |
| | | RM104,550 |

GAJI DAN ELAUN TAHUN 2010

| Bil. | Nama Jawatan | Kod Gaji | Nama Penyandang | Tarikh Kenaikan Gaji | Gaji Tahunan | Elaun Setahun | Jumlah Gaji dan Elaun | KWSP | KWSP (x 17.5%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | ELAUN: | | | | | | | | |
| 1. | Pengerusi | | Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad | — | — | 36,000 | 36,000 | — | — |
| | PEKERJA TETAP: | | | | | | | | |
| 1. | Pengarah | N48 | Haji Mohamad Sokri bin Haji Husin | 1.10 | 70,544 | 17,400 | 87,944 | — | 12,345 |
| 2. | Penolong Akauntan | W32 | Azizan bin Hashim | 1.7 | 38,614 | 6,480 | 45,093 | — | 6,757 |
| 3. | Penolong Pegawai Sistem Maklumat | F29 | Azrul Afzal bin Abdul Latif | 1.1 | 19,337 | 6,480 | 25,817 | 3,024 | — |
| 4. | Penolong Akauntan | W27 | Maya Idura binti Sabar | 1.1 | 18,502 | 6,480 | 24,982 | 3,024 | — |
| 5. | Penolong Juruaudit | W27 | Azliza binti Mohamad | 1.1 | 18,502 | 6,480 | 24,982 | 3,024 | — |
| 6. | Penolong Pegawai Tadbir | N27 | Nurhanis binti Ali | 1.1 | 18,448 | 6,480 | 24,928 | 3,000 | — |
| 7. | Pembantu Tadbir | N22 | Basri bin Baharum | 1.1 | 27,270 | 5,940 | 33,210 | — | 4,772 |
| 8. | Pembantu Tadbir | N17 | Norlela binti Abu | 1.7 | 14,935 | 6,420 | 21,355 | 2,586 | — |
| 9. | Pembantu Tadbir | N17 | Salizah binti Suki | 1.4 | 22,423 | 5,940 | 28,363 | — | 3,924 |
| 10. | Pembantu Tadbir | N17 | Khairi bin Wahab | 1.4 | 12,690 | 6,420 | 19,110 | 2,319 | — |
| 11. | Pembantu Akauntan | W17 | Noraidza binti Saidin | 1.4 | 11,510 | 6,420 | 17,930 | 2,175 | — |
| 12. | Pembantu Akauntan | W17 | Md. Yazid bin Abd. Rahman | 1.4 | 9,952 | 6,420 | 16,372 | 2,031 | — |
| 13. | Pembantu Tadbir (Kewangan) | W17 | Syamsul Naim bin Zinon | 1.4 | 9,952 | 6,420 | 16,372 | 2,031 | — |
| 14. | Pembantu Hal Ehwal Islam | S17 | Mohd. Radzi bin Ahmad Rahim | 1.7 | 27,270 | 5,940 | 33,210 | — | 4,772 |
| 15. | Pembantu Hal Ehwal Islam | S17 | Mat Rose bin Haji Taha | 1.1 | 25,816 | 5,940 | 31,756 | — | 4,518 |
| 16. | Pembantu Hal Ehwal Islam | S17 | Jefri bin Othman | 1.1 | 21,025 | 5,940 | 26,965 | — | 3,679 |
| 17. | Pembantu Hal Ehwal Islam | S17 | Shuhaimi bin Nordin | 1.7 | 16,134 | 5,940 | 22,074 | 2,670 | — |
| 18. | Pembantu Hal Ehwal Islam | S17 | Mohamad Zahid bin Ibrahim | 1.7 | 11,941 | 5,940 | 17,881 | 1,758 | — |
| 19. | Pembantu Hal Ehwal Islam | S17 | KOSONG | — | 9,845 | 5,940 | 15,785 | 1,212 | — |
| 20. | Pembantu Tadbir Rendah | N11 | Azlina binti Kasa | 1.4 | 10,353 | 5,700 | 16,053 | 1,953 | — |

| Bil. | Nama Jawatan | Kod Gaji | Nama Penyandang | Tarikh Kenaikan Gaji | Gaji Tahunan | Elaun Setahun | Jumlah Gaji dan Elaun | KWSP | KWSP (X 17.5%) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21. | Pembantu Tadbir Rendah | N11 | Fauziah binti Ahmad | 1.4 | 9,373 | 5,700 | 15,073 | 1,833 | — |
| 22. | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam | S11 | Salahuddin bin Haji Bakar | 1.10 | 20,518 | 2,340 | 22,858 | — | 3.591 |
| 23. | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam | S11 | Abdul Sahadi bin Abdullah | 1.7 | 14,210 | 5,700 | 19,910 | — | 2,487 |
| 24. | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam | S11 | Ismail bin Hashim | 1.7 | 11,211 | 5,700 | 16,911 | — | 1,962 |
| 25. | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam | S11 | Mohd. Fauzi bin Ku Abdullah | 1.4 | 9,373 | 5,700 | 15,073 | 1,833 | — |
| 26. | Pembantu Am Rendah | N1 | Aminuddin bin Abdul Hamid | 1.10 | 15,264 | 6,540 | 21,804 | — | 2,595 |
| 27. | Pemandu Kenderaan | R3 | Arman Junaidi bin Abu Bakar | 1.7 | 11,603 | 5,700 | 17,303 | — | 2,031 |
| 28. | Pekerja Am Rendah | R1 | Shazlim bin Dahaman | 1.7 | 13,897 | 5,700 | 19,597 | — | 2,432 |
| 29. | Pekerja Am Rendah | R1 | Mazlan bin Jasin | 1.7 | 10,956 | 5,700 | 16,656 | — | 1,917 |
| | | | | | 531,469 | 219,900 | 715,368 | 34,569 | 57,782 |
| | PEKERJA KONTRAK: | | | | | | | | |
| 1. | Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam | S27 | Hashim bin Taib | 1.11 | 23,579 | 6,480 | 30,059 | 3,422 | — |
| 2. | Pembantu Hal Ehwal Islam | — | Ku Abdullah bin Ku Jusoh | — | 12,000 | — | 12,000 | — | — |
| 3. | Pembantu Tadbir | N17 | Anas Sabirin bin Afandi | 1.4 | 10,294 | 6,420 | 16,714 | 2,031 | — |
| 4. | Pembantu Tadbir | N17 | Puan Chek Zurina binti Md. Saad | 1.4 | 10,294 | 5,940 | 16,234 | 2,031 | — |
| 5. | Pemandu | — | Abdullah bin Saad | — | 12,036 | — | 12,036 | — | — |
| | | | | | 68,203 | 18,840 | 87,043 | 7,484 | — |
| | PEKERJA SAMBILAN: | | | | | | | | |
| 1. | Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam | S11 | Mohd. Firdaus bin Salehuddin | | 8,514 | 3,541 | 12,056 | 1,044 | — |
| | | | | | 608,186 | 242,281 | 850,467 | 43,097 | 57,782 |

11101 GAJI DAN ELAUN:

(Lampiran B)

11306 PENYELENGGARAAN BANGUNAN DAN HARTA ZAKAT:

Peruntukan untuk penyelenggaraan bangunan-bangunan dan harta-harta yang dimiliki oleh Majlis meliputi perkara-perkara berikut:

(i) Hasil/Cukai-cukai Tanah Majlis.

(ii) Insurans Bangunan.

(iii) Bil-bil api, air, telefon dan lain-lain.

(iv) Cukai pintu.

(v) Penyelenggaraan Pejabat, Rumah dan juga Bangunan Kedai.

11307 PENYELENGGARAAN KENDERAAN:

Peruntukan diberi untuk penyelenggaraan mekanikal, kad inden minyak, kad elektronik pembayaran tol bagi kenderaan Majlis seperti berikut:

(i) RF 2002

(ii) RF 5453

(iii) RG 7473

11308 PENGANGKUTAN DAN PERJALANAN:

Peruntukan ini untuk Pegawai-pegawai Majlis menjalankan tugas-tugas rasmi seperti berikut:

(i) Mesyuarat.

(ii) Seminar/Kursus.

(iii) Bengkel.

(iv) Lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

11309 BAYARAN AUDIT:

Anggaran dibuat dengan mengambilkira pembayaran Audit yang belum dituntut bagi akaun-akaun tahun 2008 dan 2009.

11310 MESYUARAT:

Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Baitulmal:

| | | |
|---|---|---|
| 18 orang x 6 x RM200 (Ahli) | = | RM21,600 |
| 2 orang x 6 RM150 (Urusetia) | = | RM1,800 |
| Makan/minum | = | RM1,200 |
| | | RM24,600 |

Elaun Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan Majlis:

| | | |
|---|---|---|
| 15 orang x 6 x RM300 (Ahli) | = | RM27,000 |
| 2 orang x 6 x RM150 (Urusan) | = | RM1,800 |
| Makan/minum | = | RM660 |
| | | RM29,460 |
| Jumlah | = | RM54,060 |

11311 PERKAKAS PEJABAT:

Peruntukan untuk menampung pembelian perabot dan lain-lain keperluan untuk Pejabat Baitulmal.

11315 PERHUBUNGAN DAN POS:

Peruntukan adalah untuk kegunaan seperti berikut:

Bayaran Pos Biasa, Mel Udara, Mel Berdaftar dan Express.

11316 KURSUS DAN SEMINAR:

| | | |
|---|---|---|
| (i) Siri-siri kursus dan lawatan sambil belajar Amil dan kakitangan Baitulmal akan diadakan untuk mempertingkatkan kemahiran, keupayaan dan prestasi mereka sebagai pekerja yang berwibawa. | = | RM100,000 |
| (ii) Seminar berkenaan dengan kewajipan berzakat akan diadakan untuk memberi kesedaran secara menyeluruh kepada Umat Islam Negeri Perlis. | = | RM20,000 |
| | | RM120,000 |

11317 RAWATAN PERUBATAN:

Rawatan dengan menggunakan khidmat Doktor Penal diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan Baitulmal dengan kadar tidak melebihi RM1,000.00 seorang setahun.

11399 PELBAGAI PERBELANJAAN (RUNCIT PEJABAT):

Perbelanjaan diperlukan kepada pembelian surat khabar, buku-buku panduan, alat-alat komputer dan lain-lain.

BELANJAWAN TAHUN 2010

11400 ASNAF MUALLAF

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 50,000 | 50,000 | 11401 | Sumbangan kepada PERKIM | 50,000 |
| 50,300 | 50,000 | 11402 | Sumbangan Hari Raya kepada Saudara Kita | 50,000 |
| 200 | 1,000 | 11403 | Berkhatan | 1,000 |
| 33,447 | 50,000 | 11404 | Saguhati Penceramah Fardu Ain untuk Saudara Kita | 50,000 |
| 24,000 | 50,000 | 11405 | Saguhati Memeluk Islam | 50,000 |
| 1,437 | 20,000 | 11407 | Sumbangan Pembiayaan Saudara Baru ke Pusat Pengajian | 20,000 |
| — | 5,000 | 11408 | Sumbangan Rumah Perlindungan Baitul Rahmah | 5,000 |
| — | 5,000 | 11409 | Pembelian Buku-buku Asas Mengenai Islam dan Al-Quran untuk Saudara Baru | 5,000 |
| 11,442 | 5,000 | 11410 | Kursus/Seminar untuk Saudara Kita | 5,000 |
| 5,000 | 10,000 | 11411 | Bantuan Aktiviti/Lawatan Sambil Belajar | 10,000 |
| — | 1,000 | 11412 | Bantuan Pengurusan Jenazah Muallaf | 1,000 |
| 8,120 | 20,000 | 11413 | Bantuan Sambutan Hari Kebesaran Islam | 20,000 |

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| — | 2,000 | 11414 | Sumbangan Barangan Keperluan Asas Saudara Baru | 2,000 |
| — | 5,000 | 11415 | Aktiviti/Sumbangan Pengukuhan dan Pemulihan Akidah | 5,000 |
| 183,946 | 274,000 | | | 274,000 |

11401 SUMBANGAN KEPADA PERKIM:

Sumbangan ini adalah di dalam bentuk kewangan yang diberikan secara langsung untuk kegiatan-kegiatan umum Saudara Kita dan lain-lain aktiviti yang bersangkutan dengan kebajikan Saudara Kita.

11402 SUMBANGAN HARI RAYA KEPADA SAUDARA KITA:

Peruntukan ini diberikan kepada PERKIM untuk disumbangkan kepada Saudara-saudara Baru yang layak menerimanya sempena Hari Raya Aidil Fitri.

11403 BERKHATAN:

Sumbangan pembiayaan berkhatan kepada Saudara Kita selepas memeluk Islam akan diberikan dengan kadar RM100.00 seorang.

RM100.00 @ 10 orang = RM1,000.00

11404 SAGUHATI PENCERAMAH FARDU AIN UNTUK SAUDARA KITA:

Seramai 20 orang penceramah Fardu Ain ditugaskan untuk mengajar Saudara Kita sebanyak 4 kali sebulan dengan kadar RM50.00 bagi tiap-tiap kali berceramah. Di samping itu juga pembayaran saguhati wang tambang kepada Saudara Baru yang menghadiri kelas akan dibuat mengikut kadar kelayakan masing-masing.

11405 SAGUHATI MEMELUK ISLAM:

Sumbangan diberikan untuk meringankan bebanan Saudara Kita yang baru memeluk Islam. Bantuan yang diberikan adalah di dalam bentuk kewangan iaitu sebanyak RM200.00 sebulan selama 3 bulan. Peruntukan yang diberi adalah sebanyak RM50,000.00.

11407 SAGUHATI PEMBIAYAAN SAUDARA BARU KE PUSAT PENGAJIAN:

Sumbangan ini diberikan kepada Saudara Baru yang baru memeluk Islam untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan asas Fardu Ain. Pembiayaan akan diberikan selama 3 bulan di pusat-pusat pengajian di mana mereka akan diberikan tempat tinggal dan semua kos pembiayaan akan ditanggung oleh Baitulmal.

11408 SUMBANGAN RUMAH PERLINDUNGAN BAITUL RAHMAH:

Baitul Rahmah adalah sebuah pusat yang memberi perlindungan sementara kepada Saudara Kita yang menghadapi masalah seperti penceraian, penderaan, penginayaan dan sekaligus menjadi pusat bimbingan untuk mereka. Sebanyak RM5,000 diperuntukkan untuk menampung kos penyelenggaraan pusat ini.

11409 PEMBELIAN BUKU-BUKU ASAS MENGENAI ISLAM UNTUK SAUDARA KITA:

Peruntukan ini dikhaskan untuk pembelian buku-buku asas mengenai Islam (dalam keluaran Bahasa Mandarin/Tamil dan Thai) dan Tafsir-tafsir Al-Quran dalam bahasa-bahasa Mandarin, Thai dan Inggeris untuk disumbangkan kepada Saudara Kita yang memeluk Islam.

11410 KURSUS/SEMINAR UNTUK SAUDARA KITA:

Kursus/Seminar untuk Saudara Kita bertujuan untuk mempertingkatkan lagi tahap kefahaman, keimanan dan juga pendedahan Saudara Kita kepada isu-isu semasa serta perkembangan Islam terkini.

11411 BANTUAN AKTIVITI/LAWATAN SAMBIL BELAJAR:

Peruntukan ini diuntukkan kepada Saudara Baru untuk membuat aktiviti lawatan sambil belajar bertujuan untuk memberi pendedahan maksima kepada perkembangan Islam.

11412 BANTUAN PENGURUSAN JENAZAH MUALLAF:

Peruntukan dikhususkan kepada pengurusan jenazah Saudara Baru. Kadar sumbangan adalah tidak melebihi RM700.00 seorang.

11413 SUMBANGAN HARI KEBESARAN ISLAM:

Peruntukan diberikan untuk mengadakan upacara khas baik dari segi ceramah-ceramah khas keugamaan untuk memupuk dan memantapkan lagi keimanan di kalangan Saudara Baru.

11414 SUMBANGAN BARANGAN KEPERLUAN ASAS UNTUK SAUDARA BARU:

Sumbangan akan diberikan dalam bentuk peralatan asas peribadatan untuk lelaki dan perempuan yang telah dan baru memeluk Islam.

11415 AKTIVITI/SUMBANGAN PENGUKUHAN DAN PEMULIHAN AKIDAH:

Bantuan akan diberikan dalam bentuk bimbingan, kaunseling, pembelaan dan pembiayaan sara hidup untuk Saudara Baru yang menghadapi masalah dalam masa peringkat awal memeluk Islam.

BELANJAWAN TAHUN 2010

11500 ASNAF RIQAB

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| — | 10 | 11501 | Hamba yang hendak memerdekakan dirinya dari tuannya dengan membayar wang tebusan sedangkan ia tidak mempunyai kemampuan | 10 |
| — | 10 | | | 10 |

BELANJAWAN TAHUN 2010

11600 ASNAF GHARIMIN

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| — | 10 | 11601 | Muflis | 10 |
| 5,000 | 10 | 11602 | Menjamin Atas Hutang Syarak | 10 |
| — | 2,000 | 11603 | Pengurusan Jenazah Tanpa Waris | 2,000 |
| — | 10,000 | 11604 | Bantuan Hutang Perubatan | 10,000 |
| 5,000 | 12,020 | | | 12,020 |

11601 MUFLIS (GHARIMIN):

Orang-orang yang berhutang di jalan Allah dan tidak dapat membayar hutang tersebut sehingga tergadai semua harta-harta kepunyaannya.

11602 MENJAMIN ATAS HUTANG SYARAK:

Orang-orang yang menjadi penjamin atas hutang orang lain yang dibuat atas jalan Allah dan orang tersebut gagal menyelesaikan hutangnya maka adalah tanggungjawab penjamin untuk menyelesaikan hutang tersebut.

11603 PENGURUSAN JENAZAH TANPA WARIS:

Peruntukan dikhususkan untuk penyelenggaraan jenazah-jenazah orang Islam tanpa waris baik oleh pihak hospital mahupun orang perseorangan.

11604 BANTUAN HUTANG PERUBATAN:

Peruntukan disediakan untuk menyelesaikan hutang-hutang rawatan perubatan bagi orang-orang Islam yang tidak berkemampuan dengan syarat mendapat pengesahan daripada hospital ataupun mana-mana pusat rawatan yang diiktiraf.

BELANJAWAN TAHUN 2010

11700 ASNAF FISABILILLAH

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 189,050 | 198,000 | 11701 | Saguhati Guru Agama Majlis | 198,000 |
| 446,931 | 501,750 | 11702 | Saguhati Pegawai-pegawai Masjid | 501,750 |
| 75,739 | 95,040 | 11703 | Bantuan Kelas Membaca Al-Quran | 95,040 |
| 23,265 | 15,000 | 11705 | Saguhati Penerangan Agama | 30,000 |
| 89,340 | 130,000 | 11710 | Bantuan Penyelenggaraan Masjid, Surau dan Tanah Perkuburan | 130,000 |
| 537,852 | 500,000 | 11711 | Sumbangan untuk Aktiviti-aktiviti Umum Keugamaan | 550,000 |
| 277,500 | 382,500 | 11712 | Bantuan Penuntut Luar Negara (Dermasiswa) | 382,500 |
| 919,988 | 1,650,000 | 11713 | Bantuan Sekolah Agama Rakyat | 510,000 |

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 474,968 | 1,200,000 | 11714 | Bantuan Serta-merta untuk ke IPT Dalam dan Luar Negara | 1,200,000 |
| — | 4,800 | 11715 | Saguhati Hufaz Al-Quran | 4,800 |
| — | 50,000 | 11716 | Pengurusan Asrama Mesir | 50,000 |
| — | 200,000 | 11717 | Institut Sunnah | 200,000 |
| — | — | 11718 | Pembayaran Gaji Pegawai Rundingcara | — |
| 5,799,906 | 5,500,000 | 11719 | Sumbangan Zakat 4/8 | 7,300,000 |
| 8,834,539 | 10,427,090 | | | 11,782,090 |

11701 SAGUHATI GURU AGAMA MAJLIS:

Peruntukan ini diberikan untuk pembayaran kepada Guru-guru Agama Majlis. Dijangka seramai 60 orang guru akan terlibat pada kadar bayaran RM50 dengan kekerapan mengajar 4 kali sebulan.

| | | |
|---|---|---|
| 30 orang x RM50.00 x 4 x 11 | = | RM66,000 |
| 30 orang x RM50.00 x 8 x 11 | = | RM132,000 |
| | | RM198,000 |

11702 IMBUHAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID:

Bayaran saguhati kepada Pegawai-pegawai Masjid yang merangkumi 99 buah masjid di seluruh Negeri Perlis. Pembayaran diberi berdasarkan bulanan dengan kadar bayaran saguhati seperti berikut:

| | BIL. PEGAWAI | KADAR BAYARAN BULANAN | JUMLAH PERUNTUKAN SETAHUN |
|---|---|---|---|
| (a) Bilai | 192 orang | RM16,970 | RM203,640 |
| (b) Siak | 192 orang | RM16,970 | RM203,640 |
| (c) Penjaga Kawasan | 96 orang | RM7,872 | RM94,464 |
| | | Jumlah: | RM501,744 |

11703 BANTUAN KELAS MEMBACA AL-QURAN:

Peruntukan ini untuk pembiayaan saguhati Guru-guru Al-Quran di bawah Majlis.

| | | |
|---|---|---|
| 66 x RM30.00 x 4 x 12 | = | RM95,040 |

11705 SAGUHATI PENERANGAN AGAMA:

Peruntukan dikhususkan untuk membayar saguhati penal penceramah zakat, pembiayaan bengkel-bengkel dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh Baitulmal. Ini bertujuan untuk menghebahkan maklumat kepada masyarakat.

11710 BANTUAN PENYELENGGARAAN MASJID, SURAU DAN TANAH PERKUBURAN:

Peruntukan dikhaskan untuk pembiayaan kegunaan letrik dan air bagi masjid dan surau yang berdaftar dengan Majlis.

11711 SUMBANGAN AKTIVITI-AKTIVITI UMUM KEUGAMAAN:

Peruntukan ini dikhaskan untuk sumbangan kepada badan-badan kebajikan, sekolah (program motivasi untuk calon-calon yang akan menduduki peperiksaan (UPSR, PMR, SPM dan STPM) serta pusat-pusat pengajian tinggi atau mana-mana persatuan yang menganjurkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang berunsurkan pembinaan sahsiah dan peningkatan iman di kalangan umat Islam.

11712 BANTUAN PENUNTUT LUAR NEGARA:

Pemberian dalam bentuk wang kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Luar Negara terutama di Timur Tengah khusus kepada pelajar-pelajar yang mengambil jurusan/ pengkhususan di dalam bidang Pengajian Islam dan lain-lain bidang yang berkaitan.

| | | |
|---|---|---|
| Pengajian Peringkat Sarjana<br>5 orang @ RM5,000 | = | RM25,000 |
| Pengajian Peringkat Sarjana Muda<br>80 orang @ RM4,000 | = | RM320,000 |
| Mengulang Kali 1<br>15 orang @ RM2,500 | = | RM37,500 |
| | | RM382,500 |

11713 BANTUAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT:

Peruntukan kewangan disediakan untuk pembiayaan pengurusan Sekolah-sekolah Agama Rakyat dalam Negeri Perlis.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Sekolah Menengah Al-Islahiah Ad-Diniah (Behor Mali) untuk gaji guru Sekolah Menengah | RM50,000 |
| (b) | Sekolah Rendah Al-Islahiah Ad-Diniah (Behor Mali) | RM50,000 |
| (c) | Maahad Attarbiyah Al-Islamiyah Tunjung | RM150,000 |
| (d) | Sekolah Rendah Maahad Attarbiyah Al-Islamiyah Tunjung | RM50,000 |
| (e) | Al-Madrasah Al-Alawiyah Ad-Diniah Arau, Perlis (YIPs) (Kursus STAM) | RM10,000 |
| (f) | Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (YIPs) | RM100,000 |
| (g) | Maahad Tahfiz (YIPs) | RM100,000 |
| | | RM510,000 |

11714 BANTUAN SERTA-MERTA UNTUK PERSEDIAAN KE PUSAT PENGAJIAN TINGGI DALAM DAN LUAR NEGARA:

Bantuan akan dikeluarkan kepada penuntut-penuntut anak Negeri Perlis yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi tetapi tidak berkemampuan mengadakan keperluan asas untuk persediaan ke pusat pengajian.

Bantuan akan diberikan seperti berikut:

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| (a) | Ijazah: | | | | |
| | (i) Dalam Negara | = | RM1,000 @ 320 | = | RM320,000 |
| | (ii) Timur Tengah | = | RM2,000 @ 80 | = | RM160,000 |
| (b) | Diploma | = | RM800 @ 650 | = | RM520,000 |
| (c) | Sijil Politeknik | = | RM500 @ 200 | = | RM100,000 |
| (d) | Sijil Maktab dan lain-lain | = | RM500 @ 200 | = | RM100,000 |
| | | | | | RM1,200,000 |

11715 SAGUHATI HUFAZ AL-QURAN:

Saguhati diberikan kepada tiap-tiap orang Hufaz sebanyak RM800 untuk tahun 2009, seramai 6 orang diberi saguhati berjumlah RM4,800.

11716 PENGURUSAN ASRAMA MESIR:

Peruntukan dibuat untuk pembiayaan pengurusan asrama anak-anak Perlis di Mesir.

11717 INSTITUT SUNNAH:

Sumbangan peruntukan untuk pengurusan dan menjalankan aktiviti-aktiviti dakwah.

11719 SUMBANGAN ZAKAT 4/8:

Sumbangan ini dikeluarkan kepada pembayar zakat agensi untuk menjalankan kegiatan keagamaan di agensi-agensi masing-masing.

## BELANJAWAN TAHUN 2010

### 11800 ASNAF IBNUSABIL

| PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIR-BUTIR PERBELANJAAN | PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2010 |
|---|---|---|---|---|
| RM | RM | | | RM |
| 4,910 | 10,000 | 11801 | Sumbangan Kewangan kepada orang-orang yang terlantar atau terputus perbelanjaan atau musafir kerana kebajikan bukan maksiat | 10,000 |
| 4,910 | 10,000 | | | 10,000 |

**Hakcipta Pencetak** (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA

## ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU PERLIS BAGI TAHUN 2010

| PENDAPATAN/ PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2008 | PENDAPATAN/ PERBELANJAAN SEBENAR HINGGA JUN 2009 | ANGGARAN TAHUN 2009 | KOD | BUTIRAN PENDAPATAN | MS | | ANGGARAN TAHUN 2010 | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| RM | RM | RM | RM | | | RM | RM | RM |
| 13,518 | 490,612 | 26.170 | 61100 | Wakaf | 3 | — | 63,100 | — |
| 163,485 | 147,490 | 795,720 | 61000 | Sumber Am | 5 | — | 745,720 | — |
| 23,385,371 | 13,389,072 | 20,268,370 | 61100 | Zakat dan Fitrah | 8 | — | 28,804,170 | 29,612,990 |
| 23,562,374 | 14,027,174 | 21,268,370 | | | | | | |
| | | | | Jumlah: | | | | |
| | | | | PERBELANJAAN | | | | |
| 16,919 | 238,919 | 6,000 | 52000 | Wakaf | 11 | | 55,500 | — |
| 127,974 | 57,154 | 245,030 | 27000 | Sumber Am | 13 | | 223,200 | — |
| | | | | Zakat dan Fitrah: | | | | |
| 842,370 | 401,640 | 812,640 | 11100 | Asnaf Fakir | 17 | 1,207,200 | — | — |
| 4,273,701 | 2,715,252 | 4,579,800 | 11200 | Asnaf Miskin | 19 | 8,725.00 | — | — |
| 1,410,728 | 899,227 | 1,661,330 | 11300 | Asnaf Amilin | 24 | 1,826,460 | — | — |
| 183,946 | 79,023 | 274,000 | 11400 | Asnaf Muallaf | 31 | 274,000 | — | — |
| — | — | 10 | 11500 | Asnaf Riqab | 35 | 10 | — | — |
| 5,000 | — | 12,020 | 11600 | Asnaf Gharimin | 36 | 12,020 | — | — |
